



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 25 OKTOBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BEKALAN MAKANAN CUKUP, TIDAK PERLU PEMBELIAN PANIK, BERITA RTM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3.	KAKI BERNANAH KENA JERAT, LOKAL, METRO AHAD -19 RUMAH 500M DARI LADANG, LOKAL, METRO AHAD -20	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4.	PILIH PAHANG DESTINASI BERCUTI, KEMBARA PERSPEKTIF, BH AHAD -43	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
5. 6. 7.	149 EKOR BURUNG KENARI DARI BELANDA DIRAMPAS, NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL, SINAR AHAD -38 149 KENARI DIRAMPAS DI KLIA, NEGARA, KOSMO -16 149 CANARIES IMPORTED WITHOUT PERMIT CONFISCATED, NATION, THE STAR -11	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8. 9. 10. 11. 12. 13.	SEGARI FISHERMEN AFFECTED BY TAINTED RIVER, NATION, THE STAR -11 SENTUHAN HATI UNTUK RAKYAT, KAFE AHAD, METRO AHAD -14 64,375 TERIMA MANFAAT, LOKAL, METRO AHAD -16 LANGKAH RINGAN BEBAN PETANI, LOKAL, METRO AHAD -16 PULANGAN BERBALOI 'TRADING' LEMBU, XPRESI, METRO AHAD -35 KEADAAN LADANG DIPASTIKAN SELESA, XPRESI, METRO AHAD -36	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/10/2020	BERITA RTM	ONLINE	

Bekalan makanan cukup, tidak perlu pembelian panik



MERLIMAU, 25 Oktober - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa memastikan bekalan makanan seperti beras dan produk pertanian mencukupi khususnya di kawasan zon merah PKPB.

Justeru Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah menasihatkan rakyat tidak perlu membuat pembelian panik.

Beliau berkata demikian dalam satu program di Merlimau, Melaka.



TAPIR ditemui lemah dan terdapat luka terkena jerat di kaki kirinya di Kampung Hulu Retang.

KAKI BERNANAH KENA JERAT

Antara punca gajah liar masuk penempatan manusia

Oleh Mohd Jamil Anbia
Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dendam amarah akibat dcederakan jerat kabel antara faktor peningkatan mendadak kes amukan dan pencerobohan gajah liar sejak seminggu lalu.

Kes berlarutan gangguan gajah liar yang dilaporkan berlaku di beberapa lokasi penempatan di seluruh negara mendedahkan ia berpunca kesakitan fizikal dialami haiwan liar ini kesan kezaliman pemburu haram.

Jurucakap Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) berkata, siasatan dilakukan pihaknya mendapati kebanyakan gajah liar ini menderita akibat kecederaan serius dialami pada bahagian kaki akibat terpijak jerat dipasang.

Dalam kejadian 15 Oktober lalu, Jabatan Perhilitan Negeri Johor menangkap seekor gajah betina selepas membuat pemantauan berkaitan video aduan diberikan Orang Asli di Kampung Orang Asli Sedohok, Kuang, Johor.

"Hasil pemeriksaan awal terhadap keadaan fizikal gajah itu mendapati terdapat luka yang bernanah pada kaki kanan gajah itu dipercayai akibat terkena jerat.

"Gajah itu turut dirawat sebelum dilepaskan semula ke habitat asal," katanya.

Dalam kes berasingan pada 10 Oktober lalu, anggota Perhilitan turut menjalankan operasi khas me-

nyelamat seekor gajah betina berhampiran Kampung Renyok, Jeli, Kelantan.

Menurutnya, siasatan mendapati kaki kanan gajah itu terkena jerat kabel menyebabkan haiwan seberat lebih dua tan itu tidak dapat bergerak dengan normal.

"Anggota Perhilitan berjaya membuang jerat dawai dari kaki kanan gajah itu. Namun, gajah itu tidak dapat berjalan dengan baik dan masih memerlukan pemantauan Perhilitan.

"Sepanjang pemantauan dijalankan, gajah itu diberi rawatan dan makanan secukupnya untuk memastikan keadaan kesihatan gajah itu pulih.

"Gajah itu akhirnya semakin stabil pada 16 Oktober lalu sebelum dibebaskan ke habitat asal selepas dipantau Unit Tangkapan Gajah (UTG) Kelantan," katanya.

Dalam satu lagi laporan berasingan 9 Oktober lalu, kami turut menerima laporan seekor gajah yang disyaki terkena jerat dan mengalami kecederaan berhampiran Kampung Renyok, Jeli Kelantan.

"Susulan aduan itu, Unit Tangkapan Gajah (UTG) Kelantan digerakkan ke kawasan itu.

"Seramai 11 kakitangan membatikan UTG Kelantan dan pasukan Op Bersepadu Khazanah Zon Timur menjalankan operasi bagi menjejaki gajah itu.

"Pemerhatian awal mendapati kaki kanan hadapan gajah itu mem-

bengek dan bernanah disyaki terkena jerat. Rawatan segera diberikan sebelum gajah itu dilepaskan ke habitatnya," katanya.

Selain itu, Perhilitan Terengganu turut menyelamatkan seekor gajah betina yang cacat terkena jerat sebelum ditempatkan di Pusat Konservasi Gajah Sungai Deka, Terengganu pada 25 Ogos lalu.

Anak gajah betina diberi nama Ellie itu mengalami kecacatan kekal pada kaki kanan hadapan berikutan terkena jerat dawai buatan manusia tidak bertanggungjawab.

Susulan itu Perhilitan berusaha menghasilkan kaki palsu untuk anak gajah itu. Kecacatan kaki Ellie adalah bukti

penggunaan jerat amat berbahaya dan mendatangkan kecederaan yang serius pada hidupan liar.

Selain itu, jerat kabel digunakan turut mencederakan haiwan spesies lain antaranya seekor tapir betina di Kampung Hulu Retang, Hulu Tembeling, Jerantut, Pahang.

Dalam kejadian 17 Oktober lalu, tapir itu berada dalam keadaan lemah dan terdapat luka terkena jerat di kaki kirinya.

Tapir itu diberi rawatan awal oleh Pegawai Veterinar Jabatan Perhilitan dan Pusat Konservasi Hidupan Liar (PKHL) Jenderak Selatan, Pahang sebelum dipindahkan ke Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRK) Sungai, Perak untuk tujuan rawatan dan pemantauan lanjut.

“Gajah itu turut dirawat sebelum dilepaskan semula ke habitat asal”
Perhilitan



TINJAUAN air kumbahan dari kawasan ternakan kerbau yang didakwa mencemari Sungai Beranang.

RUMAH 500M DARI LADANG

Jas sudah periksa ladang kerbau susu didakwa lepas kumbahan ke Sungai Beranang

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Jabatan Alam Sekitar (Jas) melakukan operasi bersepadu bersama agensi lain terhadap ladang kerbau susu berhampiran Kampung Sungai Kembang, Semenyih susulan aduan pencemaran kumbahan dilepaskan ke Sungai Beranang.

Ketua Pengarah Alam Sekitar Norlin Jaafar berkata, Ops Bersepadu Ladang Kerbau MIG Farm Sdn Bhd itu dilakukan 22 September lalu.

Menurutnya, Ops Bersepadu itu turut membabitkan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), Lembaga Urus Air Selangor (Luas), Penguurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Jabatan Veterinar Negeri Selangor (JPV), Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat dan Ahli Majlis Perbandaran Kajang.

"Hasil pemeriksaan mendapati, isu utama adalah pencemaran bau daripada operasi ladang kerbau yang terletak hanya 500 meter dari kawasan perumahan.

"Tinjauan di kawasan sekitar mendapati ada kawasan perumahan baharu sedang dibangunkan yang terletak 50 meter dari ladang kerbau.

"Kedua, pelepasan air kumbahan daripada kolam



takungan najis. Pemasangan kolam takungan najis ini dinyatakan dalam keperluan lesen yang dikeluarkan Luas di bawah klausula keperluan memasang sistem rawatan najis haiwan," katanya.

Beliau berkata, sistem itu tidak dirujuk kepada Jas kerana tiada keperluan untuk kelulusan daripada segi perundangan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Menurutnya, ladang kerbau susu itu dilesenkan Luas di bawah Peraturan-Peraturan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012 iaitu di bawah aktiviti penternakan selain babi.

"Tindakan susulan penyelesaian aduan boleh dirujuk kepada pihak Luas (aspek kawalan pencemaran sungai) dan pihak MPKJ (aspek bau yang menyebabkan kacau ganggu kepada penduduk).

"Jas memaklumkan kawalan pencemaran daripada operasi ladang ternakan haiwan di bawah bi-

dang kuasa kerajaan negeri, dikawal melalui enakmen negeri masing-masing yang sedia ada.

"Jas merakamkan penghargaan dan mengalu-alukan maklumat tepat daripada orang awam bagi membolehkan Jas mengambil tindakan pantas dalam

membanteras insiden pencemaran," katanya.

Aduan berkaitan aktiviti pencemaran alam sekitar boleh disalurkan dengan menghubungi talian bebas tol 1-800-88-2727, e-mel ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal eaduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

Harian Metro semalam melaporkan penduduk di sekitar Sungai Beranang di Semenyih merayu pihak berkuasa membantu menyelesaikan masalah pencemaran bau dan sungai kotor dihadapi mereka, didakwa berpunca daripada pelepasan sisa ladang kerbau susu.

Pengarah MIG Group yang juga pemilik ladang kerbau susu MIG Farm Sdn Bhd, Abdul Gaffar Khan Amirullah dipetik berkata, pihaknya mendapat kebenaran pihak berkuasa untuk melepaskan air najis kerbau susu itu ke sungai.

Beliau mengisahkan ternakan kerbau susu sejak 20 tahun lalu dan kini menternak 1,000 kerbau susu di ladang berkenaan.

Pilih Pahang destinasi bercuti

Cameron Highlands, Janda Baik antara lokasi pelancongan popular

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

Pandemik COVID-19 memberi impak yang sangat terkesan terhadap industri pelancongan di seluruh dunia dan pastinya senario sama melanda Malaysia.

Selepas kerajaan melonggarkan rentas negeri membolehkan industri pelancongan domestik kembali bernafas walaupun ia bergerak agak perlahan.

Lantas, kerajaan dan pastinya pemain sektor ini masing-masing berusaha untuk menonjolkan kepelbagaian keunikan dan keistimewaan destinasi di setiap negeri bagi memancing kunjungan pelancong tempatan bercuti mengikut cita rasa kegiatan mereka.

Cameron Highlands dan Janda Baik, Bentong, Pahang umpamanya antara destinasi percutian kerap menjadi tumpuan penduduk tempatan untuk mencari kelainan yang terkenal dengan ekopelancongan, selepas kerajaan melonggarkan syarat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sebelum ini.

Namun, sejak Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dikuatkuasakan di Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Sabah sehingga 28 Oktober ini,

ia turut memberi impak terhadap jumlah kedatangan pergerakan pelancong domestik.

Berdasarkan laporan, 60 peratus penurunan kedatangan pelancong di Cameron Highlands dan di Janda Baik selepas PKPB.

Tingkatkan semula pelancongan Pahang

Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) Pahang, Datuk Idros Yahya, berkata dua destinasi pelancongan berkenaan banyak bergantung kepada pelancong dari Lembah Klang.

Katanya, penutupan pintu sempadan memberi kesan besar yang menyebabkan jumlah kedatangan pelancong mengalami penurunan mendadak hingga menjejaskan sektor pelancongan di Pahang.

"Bagaimanapun, pintu sempadan tidak ditutup secara menyeluruh di Pahang dan pelancong dari utara seperti Perak dan Pantai Timur iaitu Terengganu dan Kelantan serta Johor masih boleh melancong ke negeri ini.

"Kedatangan mereka akan membantu meningkatkan ekonomi setempat dan merancakkan sektor pelancongan di Pahang ketika Lembah Klang dalam pelaksanaan PKPB," katanya.



Pelbagai jenis durian khususnya Musang King di Janda Baik menjadikan lokasi itu berbaloi untuk dikunjungi.

Sehubungan itu, Idros berkata, pihaknya mengharapkan pelancong luar dari Pahang yang tidak dikenakan pelaksanaan PKPB dan memilih Pahang sebagai destinasi pelancongan.

Pada masa sama, katanya, rakyat Pahang juga digalakkan melancong dan memilih destinasi pelancongan mereka di dalam Pahang.

"Apa yang perlu dilakukan ialah mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan (KKM) dalam usaha menyekat penularan COVID-19," katanya.



Di Janda Baik terdapat air terjun yang menjadi tarikan pengunjung.

Tarikan utama dua destinasi pelancongan

Beliau berkata, di Cameron Highlands, lokasi unik dan mendamikan, pengunjung berpeluang melalui kawasan perkampungan Orang Asli di Kuala Woh, Kampung Pahang, Ringlet, sebelum sampai ke Tanah Rata dan diakhiri Brinchang.

Tidak mustahil kawasan ini sesak dengan kenderaan berderet menaiki lokasi berkenaan dan dianggap percutian berbaloi apabila dapat meneroka Taman Agroteknologi MARDI, ladang strawberi, ladang teh, pasar Kea Farm dan pasar malam.

Mossy Forest juga menjadi tarikan utama bagi mereka yang ingin melihat keindahan alam semula jadi terutama hutan.

Bagi peminat bunga, khususnya wanita boleh melihat, memilih dan membeli bunga ros dan sayur-sayuran segar untuk dibawa pulang.

Tumpuan bercuti pada hujung minggu

Di Janda baik pula, resort atau chalet yang dibina di tepi sungai menjadi pilihan pelancong yang inginkan suasana nyaman dan selesa.

Jika musim durian, lokasi ini jadi tumpuan warga kota untuk menikmati raja buah khususnya Musang King.

Tidak hairan, pada cuti hujung minggu atau cuti umum, Janda Baik menjadi tumpuan sama ada mereka bercuti bersama keluarga atau rakan.



Keadaan cuaca yang berkabus menambahkan kecantikan Mossy Forest.



Permandangan ladang teh yang terdapat di Cameron Highlands.



(Foto Asrol Awang/BH)

149 ekor burung kenari dari Belanda dirampas



Sebanyak 149 ekor burung kenari dari Belanda dirampas Maqis di KLIA pada Rabu lalu.

SEPANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan-Malaysia (Maqis) telah merampas sebanyak 149 ekor burung kenari spesies serinus canara yang diimport dari Belanda di Stesen Kuarantin Haiwan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini Rabu lalu.

Pengarah Maqis Negeri Selangor, Dr Tarmisal Alimin berkata, hasil pemeriksaan pihaknya mendapati burung kenari yang dianggarkan bernilai RM72,431.88 itu tidak mempunyai permit import yang dikeluarkan

oleh Jabatan Maqis.

“Perbuatan mengimport haiwan hidup tanpa permit import adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Akta 728).

“Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-keduanya sekali di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

149 kenari dirampas di KLIA

SEPANG – Cubaan membawa masuk sebanyak 149 ekor burung kenari spesies *Serinus canara* tanpa permit berjaya ditumpaskan ketika pemeriksaan dilakukan di Stesen Kuarantin Haiwan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Rabu lalu.

Rampasan yang bernilai RM72,431.88 itu dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Pengarah Maqis Selangor, Tarmisal Alimin berkata, hasil pemeriksaan mendapati, burung itu diseludup masuk dari Belanda tanpa permit import.

“Perbuatan mengimport haiwan hidup tanpa permit import ditetapkan Maqis adalah suatu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia [Akta 728].

“Sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-kedua sekali mengikut Seksyen 11(3) akta sama,” katanya.

Tarmisal berkata, pemeriksaan dilakukan bagi memastikan haiwan dan keluaran pertanian yang diimport bebas penyakit dan ancaman perosak serta mematuhi peraturan.



BURUNG-BURUNG kenari yang dirampas Maqis di KLIA, Sepang baru-baru ini.

Segari fishermen affected by tainted river

By ILI AQILAH
iliaqilah@thestar.com.my

MANJUNG: Fishermen in Segari are claiming that a freshwater prawn farm is affecting their livelihood by polluting a river there.

Jaafar Said, 50, said the river used to be full of crab, prawns and fish but since the farm was set up a few years ago, their numbers have dwindled.

"It has gotten worse in the past few months when a large area of the mangrove swamp was cleared.

"We have no idea what is being planned there as there was no signage placed in the area," he said yesterday.

Due to the decimated marine life, Jaafar said he was forced to use illegal dragon fish traps to fish.

"Even so, I could only get one or two crabs daily," he added.

Goh Pei Lai, 70, also said his catches had dropped significantly since the farm was set up.

"I have been catching prawns for more than 10 years.

"I used to be able to get at least 4kg of freshwater prawns every day, but now, there are days where I return home empty-handed.

"I still have children to feed and I want them to be able to study well but how can I do that when I am unable to catch anything?" he added. Restaurant owner Ismail Ibrahim, 54, believed that the aquaculture farm could have polluted the water.

"To build the farm, they had to destroy many mangrove trees, which were also the habitat of monkeys.

"The river has become murky due to sand erosion.

"Fishermen here used to get at least 4kg to 5kg of prawns or crabs, but now, they are struggling to get even a few grammes a day," he said, adding that the river also had a foul smell from time to time.

Sahabat Alam Malaysia field officer Meor Razak Meor Abdul Rahman said the villagers had written



Waiting for action: Villagers and fishermen at Segari standing in front of the river they claim is being polluted and affecting their livelihoods.



Unclear plans: A large area of the mangrove swamp that has been cleared. Jaafar said the villagers have no idea why.

made by a team from the Sarawak Brigade Headquarters and the PGA 12th Battalion during a raid at a house in Desa Pujut 2, Permy Jaya, Miri, at about 10.30am on Friday.

He said two individuals were also arrested.

Among the items seized were 10,590 cartons of white cigarettes, 416 cartons of clove cigarettes, 1,728 boxes of beer and other alcoholic drinks of various brands, as well as a lorry, added SAC Mancha.

He said the two men and seized items were then handed to Miri district police headquarters for further action. — Bernama

149 canaries imported without permit confiscated

SEPANG: The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) seized 149 birds of the *Serinus canaria* species worth RM72,431 after they were found to have been brought into the country without valid import permit.

The birds were imported from the Netherlands.

Selangor Maqis director Dr Tarnusa Allurin said the birds were confiscated at the Animal Quarantine Station of the Kuala Lumpur International Airport last Wednesday.

There was no permit issued by the department for the import of the birds, he said in a media statement here yesterday.

Tarnusa said it was an offence to import live animals without permit and those caught doing so could be charged under Section 11(1) of the Malaysia Quarantine and Inspection Services Act 2011.

Offenders face a maximum fine of RM100,000 or imprisonment for up to six years or both, upon conviction. — Bernama

25/10/2020

METRO AHAD

KAFE AHAD

14

majalah

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) tidak meminggirkan rakyat yang dirimpit tekanan kehidupan berganda berikutan pandemik Covid-19. Buktinya ialah Kementerian itu memperkenalkan pelbagai program dalam usahanya membela nasib rakyat terutama golongan B40.

Program MYGrocer@Wilayah dilihat sebagai 'sentuhan hati' Kementerian terhadap rakyat. Ikuti wawancara Menteri Wilayah Persekutuan TAN SRI ANNUAR MUSA bersama wartawan NOB 'ASYIKIN MAT HAYIN' bagi berkongsi lanjut mengenai inisiatif Kementerian.

Dalam situasi negara yang berdepan kesukaran daripada aspek ekonomi dan kesihatan rakyat, bagaimana KWP memainkan peranan membantu rakyat secara keseluruhannya?

KWP mengambil langkah proaktif termasuk yang terbaharu memperkenalkan konsep Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin sebagai suatu pembedayaan kerja dalam menzahirkan keikhlasan daripada hati nurani warga KWP dan agensi kepada rakyat.

Pelbagai inisiatif dilaksanakan dan dibuat secara berterusan sebagai kelangsungan membantu golongan sasar yang memerlukan bantuan di Wilayah Persekutuan.

Semua program dan inisiatif yang dilaksanakan ini dipayungi 13 cakna iaitu Cakna Perumahan, Cakna Gelandangan, Cakna Kemiskinan, Cakna Keselamatan, Cakna Perpaduan, Cakna Keindahan, Cakna Kebersihan, Cakna Sukan, Cakna Asnaf, Cakna Usahawan, Cakna Kehijauan, Cakna Pendidikan dan Cakna Seni Budaya sebagai teras kepada pelbagai program dirangka.

Sebagai permulaan, KWP memperkenalkan inisiatif Wilayah Cakna (IWC) untuk membantu tiga kelompok utama.

Kelompok pertama membabitkan 5,000 petugas barisan hadapan yang bertugas di Wilayah Persekutuan.

Kelompok kedua adalah pesakit dalam kalangan keluarga mereka dijangkiti Covid-19.

Kelompok ketiga pula ialah warga Wilayah Persekutuan dalam kalangan rakyat yang kehilangan pendapatan termasuk peniaga kecil dan sederhana selain gelandangan.

Bagi menzahirkan keprihatinan kerajaan, pelbagai inisiatif membantu rakyat dirangka khusus untuk warga Wilayah Persekutuan.

Untuk itu, KWP melancarkan program Kemiskinan Bandar iaitu MYJob@Wilayah, MYMedic@Wilayah, MYSchoolBus@Wilayah, MYGrocer@Wilayah dan MYFood@Wilayah sebagai inisiatif Kementerian Wilayah



ANNUAR membuat lawatan di Pasar Borong Kuala Lumpur, baru-baru ini.

LOKASI TRAK MYGROCER@WILAYAH

Hari	Masa	MyGrocer 1 Al-Bait Grocer	MyGrocer 2 Al-Bait Grocer	MyGrocer 3 Rakyat Mart	MyGrocer 4 FAMA
Selasa	7.30-11 pagi	PA Seri Sabah	PPR Kwintchi (C)	PA Seri Selangor	PPR Jln Jelatek
	4-7 petang	PA Seri P Pinang	PA Putra Ria		
Rabu	7.30-11 pagi	PPR Desa Betaling	PPR Seri Yelintin	PPR Kg Limau	
	4-7 petang	PPR Seri Malaysia	PPR Seri N Sembilan	PPR Seri Pantar	PA Bandar Baru Sentul
Khamis	7.30-11 pagi	PA Seri Kota	PPR Seri Perak	PPR Pantar Ria	PA Seksyen 10 Wangsa Maju
	4-7 petang	PPR Desa Tun Razak	PPR Seri Terengganu		
Jumaat	7.30-11 pagi	PPR Raya Parnai	PPR Pekan Kepong	PPR Seri Cempaka	
	4-7 petang	PA Seri Melaka	PPR Seri Toman 1		PA Sri Melaka
Sabtu	7.30-11 pagi	PA Sri Labuan	PPR Kg Baru Air Panas	PPR Seri Pantar	PPR Kg Baru Air Panas
	Ahad	7.30-11 pagi	PPR PerKasa	PPR Seri Kedah	PPR Pingiran Bukit Jalil

Persekutuan serta diterajui agensi di bawahnya.

Di samping itu, Kementerian juga melancarkan program keusahawanan bagi membolehkan rakyat menjana pendapatan melalui aktiviti perniagaan khususnya bagi golongan yang terkesan dengan pandemik Covid-19 untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Program Usahawan Anak Muda Kota ini menawarkan 1,122 ruang perniagaan (kios) kepada anak muda di 169 lokasi strategik sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Kementerian juga memberikan rumah secara percuma kepada golongan asnaf di Kuala Lumpur melalui kerjasama strategik dengan badan korporat yang dikenali sebagai Rumah Wilayah Prihatin.

Inisiatif terkini yang

dibuat adalah Program MYGrocer@Wilayah. Ia satu inisiatif bagi membolehkan golongan B40 membeli barangan dapur, makanan asas harian pada harga lebih rendah dari pasar awam dan dijual secara terus di kawasan perumahan kos rendah awam dan swasta di Kuala Lumpur. Ia juga memberi peluang perniagaan kepada pengusaha MYGrocer@Wilayah menjana pendapatan mereka dengan membolehkan golongan miskin membeli barangan yang segar, berkualiti serta murah tanpa perlu mengeluarkan tambang pengangkutan ke pasar.

Bagaimana terwujudnya idea untuk melaksanakan program ini?

MYGrocer@Wilayah adalah

satu daripada program Kemiskinan Bandar di Wilayah Persekutuan yang dirangka selepas saya membangkitkan isu kemiskinan bandar yang semakin membimbangkan.

Isu ini semakin kritikal apabila negara dilanda pandemik Covid-19. Semakin ramai warga Wilayah Persekutuan yang terkesan sama ada daripada segi kehilangan pekerjaan atau pendapatan, pengurangan pendapatan dan peningkatan kos kehidupan akibat Perintah Kawalan Pergerakan.

Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bekerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta yang lain melaksanakan beberapa MYGrocer ini di Wilayah Persekutuan.

Bilakah program MYGrocer@Wilayah mula dilaksanakan?

Projek rintis bagi program ini mula dijalankan pada 29 Ogos 2020.

Ia bermula dengan 10 lokasi di Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam di Kuala Lumpur.

Lokasi terbabit ialah di PA Desa Tasik, PPR Air Panas, Taman Segambut, PPR Seri Alam, PPR Desa Tun Razak, PPR Kerinchi Lembah Pantai, PPR Seri Kota, PA Seksyen 10 Wangsa Maju, PPR Jalan Ikan Emas dan PPR Seri Pahang.

Kini, operasi trak MYGrocer@Wilayah sudah diperluaskan kepada 36 lokasi sekitar PPR dan PA DBKL mengikut jadual yang ditetapkan.

Bagaimana kesedah pelaksanaan program ini?

Program MYGrocer@Wilayah berkonsepkan pasar bergerak menggunakan trak jualan sebagai platform yang menjual barangan

keperluan asas seperti ayam, ikan, sayur, buah dan barang kawalan bersubsidi seperti minyak masak, gula, tepung gandum serta beras.

Penjualan barangan basah dan keperluan harian yang ditawarkan adalah pada harga lima hingga 20 peratus lebih murah daripada harga di pasar awam.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna (i-Keep) Perbadanan Nasional (PNS), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan syarikat swasta berkaitan.

Apakah objektif program ini?

Program ini ialah pelan perancangan jangka masa panjang dan komprehensif KWP bagi membantu mengurangkan kos sara hidup yang ditanggung golongan miskin bandar.

Program MYGrocer dilihat sebagai usaha KWP

mempertemukan pembekal kepada penduduk di kawasan yang dikenali pasti apabila harga barangan boleh dibeli dengan kadar lebih berpatutan, murah dan berkualiti.

Konsep penggunaan trak ialah kaedah paling praktikal kerana mengambil kira produk yang dijual adalah berdekatan dengan kumpulan sasar dan produk ini dalam keadaan segar dan boleh terus dibawa pulang ke rumah.

Siapa yang bakal mendapat manfaat daripada program?

Program ini bakal memberi manfaat kepada penduduk di 178 kawasan perumahan kos rendah awam dan swasta di Kuala Lumpur.

Program ini juga akan diperluaskan ke lebih banyak kawasan perumahan kos rendah swasta dan juga kampung tradisi pada masa hadapan.

64,375 TERIMA MANFAAT

Oleh Balqis Jazimah Zahari
am@lumetro.com.my

Ipoh

Seramai 64,375 petani dan pesawah memabatkan keluasan tanah 75,000 hektar menerima manfaat inisiatif diskaun tunggakan cukai tanah menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri (PREN) Fasa Ketiga.


Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perikanan, Perladangan dan Sekuriti Makanan negeri, Datuk Abdul Yunus Jamabri berkata, inisiatif kerajaan negeri bertujuan membantu rakyat terutama golongan petani terkesan dalam situasi negara berdepan gelombang ketiga pandemik Covid-19.

"Diskaun tunggakan cukai tanah ini dapat mengurangkan kos tetap perlu dibayar petani, sekali gus menggalakkan mereka untuk terus bercucuk tanam.

"Pada ketika ini, ramai petani terjejas dan kehilangan pendapatan, maka pengurangan sedikit sebanyak (cukai tanah) dapat membantu dan memberi kelegaan kepada golongan petani di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian

Petani, pesawah di Perak nikmati diskaun tunggakan cukai tanah melalui PREN Fasa Ketiga



ABD Rahman Sidek Kasim meninjau kawasan sawah padi di sekitar Sungai Manik.

sebagai mengulas pengumuman Menteri Besar Perak Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berhubung melanjutkan tempoh pengecualian denda lewat dan pemberian dis-

kaun bagi tunggakan cukai dan bayaran premium tanah berkuat kuasa serta-merta sehingga akhir tahun ini. Abdul Yunus berkata,

"Diskaun tunggakan cukai tanah ini dapat mengurangkan kos tetap perlu dibayar petani"

“

Diskaun tunggakan cukai tanah ini dapat mengurangkan kos tetap perlu dibayar petani"

Abdul Yunus

RM6.65j

jumlah impak kewangan ditanggung kerajaan negeri

pemberian diskaun cukai tanah diharap meringankan beban dan mengurangkan kos petani dalam mengeluarkan hasil pertanian untuk negeri serta negara.

Lanjutan pembayaran su-sulan daripada tawaran sama diberi bermula 21 Mei hingga 31 Ogos lalu di bawah PREN Fasa Kedua.

Menerusi pengumuman itu, insentif lanjutan merangkumi pengecualian denda lewat bagi Cukai Tanah Berulang untuk semua jenis hak milik sehingga 31 Disember ini.

Selain itu, diskaun antara 15 sehingga 30 peratus diberikan bagi pembayaran untuk empat tahap tunggakan jika dibayar secara serkali gus untuk tempoh yang sama.

Bagi pembayaran tunggakan, diskaun 20 peratus diberikan bagi nilai aset di bawah RM500,000 manakala 25 peratus bagi tunggakan cukai tanah antara RM500,000 sehingga RM999,999.

Sementara bagi tunggakan nilai tanah RM1 juta dan ke atas, diskaun diberi 30 peratus, manakala diskaun 15 peratus ditawarkan bagi mereka yang membayar tunggakan cukai secara ansuran sehingga 31 Disember depan.

Diskaun antara 10 hingga 30 peratus ditawarkan ke atas bayaran premium tanah bagi Notis 5A dan 7G iaitu 10 peratus bagi premium di bawah nilai RM500,000 serta 15 peratus bagi premium antara RM500,000 sehingga RM1,999,999.

Namun, bagi premium bernilai RM5 juta dan ke atas pula, ia memerlukan kertas pertimbangan khas ke Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK).

Bagaimanapun, semua pemberian diskaun terhad kepada notis dikeluarkan bagi tahun semasa dengan pembayaran dibuat sebelum 31 Disember ini.

Pengecualian itu bakal memberi impak kewangan kepada kerajaan negeri sebanyak RM6.65 juta.

Teluk Intan: Dalam situasi negara masih berdepan pandemik Covid-19, golongan pesawah dan petani mampu menarik nafas lega selepas mendengar berita pengumuman tempoh pengecualian denda lewat dan pemberian diskaun bagi tunggakan cukai dan bayaran premium tanah yang dilanjutkan sehingga akhir tahun ini.

Pengerusi Pertubuhan Pe-ladang Kawasan (PPK) Kawasan Sungai Manik/Labu Kubong, Abd Rahman Sidek Kasim berkata, beliau amat mengalu-mengalukan pengecualian bayaran denda lewat ditawarkan kerajaan negeri bagi meringankan beban petani.

"Bagi cukai tahun semasa, kebanyakan petani menjelaskannya bagi mengelak denda pada 31 Mei namun sesetengahnya mungkin ada lewat satu atau dua musim dan apabila banyak bilangan tahun maka peratusnya naik.

"Jadi, pengecualian denda lewat itu sekurang-kurangnya meringankan beban dan menggalakkan agar semua denda lewat itu dibayar segera," katanya.

Katanya, setakat ini ada lebih 4,000 petani dan pe-

Langkah ringan beban petani



KHAIROL FIKRI melihat keadaan pokok padi di sawahnya di Sungai Manik.

sawah di kawasan Sungai Manik dan Labu Kubong.

"Sebanyak 80 peratus pesawah manakala selebihnya 30 peratus lagi pekebun kecil berkecukupan," katanya.

Sementara itu, pesawah di Sungai Manik, Khairul Fikri Mohamed Amin, 32, pula mengakui lega dengan lanjutan inisiatif yang diumumkan kerajaan negeri sebelum ini.

Katanya, tindakan itu wajar dan bertepatan pada masanya dalam memastikan

kelangsungan hidup petani berikutan kesan teruk dialami kesan gelombang pertama dan ketiga Covid-19.

"Ia satu inisiatif yang baik namun kita harap kerajaan negeri dapat memikirkan satu inisiatif lain agar dapat menyakinkan petani untuk meneruskan kehidupan akan datang jika wabak Covid-19 ini berterusan.

"Perlu ada tindakan atau inisiatif secara menyeluruh bagi membantu petani dalam tempoh jangka masa panjang," katanya.

Ipoh: Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda) Cawangan Perak menyambut baik inisiatif pemberian diskaun bagi tunggakan cukai tanah menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri (PREN) Fasa Ketiga yang diumumkan kerajaan negeri, baru-baru ini.

Pengerusinya, Tony Khoo Boon Chuan berkata, dalam berdepan gelombang ketiga pandemik Covid-19, inisiatif itu sekurang-kurangnya merlingankan beban pemain industri yang terjejas teruk.

"Kita mengalami situasi sukar kerana jualan hartanah dan rumah dalam tempoh wabak Covid-19 melanda sangat perlahan.

"Jadi, tidak dinafikan inisiatif ditawarkan kerajaan negeri itu memberi kelegaan kepada 200 pemaju di bawah Rehda dan kita hargai usaha berkenaan," katanya.

"Terdahulu, kerajaan negeri mengemukakan untuk melanjutkan tempoh pengecualian denda lewat dan pemberian diskaun bagi tunggakan cukai serta bayaran premium tanah berkuat kuasa serta-merta

Rehda hargai usaha kerajaan Perak

sehingga akhir tahun ini. Boon Chuan berkata, walaupun Kempen Pemilihan Rumah (HOC) dijalankan, namun prestasi jualan rumah dalam tempoh enam bulan merosot teruk berbanding sebelum ini.

"Setakat ini, hanya kira-kira 100 unit rumah yang terjual di Perak berbanding 600 hingga 700 unit dalam tempoh itu sebelum ini.

"Jadi, inisiatif kerajaan ini mengurangkan sedikit beban yang perlu ditanggung," katanya.

Katanya, pihaknya juga mengambil pendekatan untuk tidak mengeluarkan sebarang produk baharu dalam tempoh masa terdekat.

"Kita berdepan situasi lebih teruk daripada situasi kemelut ekonomi dalam negeri pada 2008 lalu kerana ketika itu

operasi masih dapat berjalan.

"Namun situasi kali ini melumpuhkan semua sektor, jadi kita tidak mahu ambil risiko untuk mengeluarkan apa-apa produk buat masa ini," katanya.

Katanya, beliau berharap beberapa aspek inisiatif lain juga dapat dilihat oleh kerajaan negeri bagi mengurangkan beban.

"Selain diskaun tunggakan cukai tanah, kita harap kerajaan negeri menyelurkan inisiatif lain contohnya seperti

Caj Kemajuan yang perlu ditanggung," katanya.



BOON CHUAN



PULANGAN BERBALOI 'TRADING' LEMBU

Bermula dengan 3 ekor kini Mohd Faizal ada lebih 300 ternakan untuk dipasarkan di seluruh Semenanjung



MOHD Faizal memulakan perniagaan trading dan ternakan lembu sejak 2018.

AGRO

Oleh Hafiz Izzudin
hafzithnin@mediaprima.com.my

"Berkecimpung di dalam industri penternakan adalah kerjaya yang baik kerana sehingga hari ini permintaan terhadap daging lembu sentiasa meningkat dan tidak mencukupi," jelas Mohd Faizal Said.

Selama tiga tahun mengikuti Pengajian Kejuruteraan Mekanikal dari Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan, lelaki berusia 38 tahun ini seakan-akan tidak "terkilan" meninggalkan dunia pekerjaan selari yang dipelajarinya secara formal. Malah, anak jati Pahang ini juga melihat perniagaan di dalam bidang penternakan dan "trading" haiwan mendapat restu bapanya yang juga suatu ketika

dahulu mempunyai ternakan sama. Hanya jumlahnya tidaklah sebanyak dimiliki Mohd Faizal.

Jelasnya, dia memulakan perniagaan berkenaan sejak 2018 dan sebelum itu mencari modal dengan menjual ikan arowana secara dalam talian dan beberapa pekerjaan lain.

Pada permulaan dengan membeli tiga ekor lembu, kini dia memiliki lebih 300 lembu yang siap untuk dipasarkan kepada pembeli di seluruh Semenanjung Malaysia.

Mengamalkan konsep perniagaan "trading" lembu, Mohd Faizal melihat, ia adalah cara perniagaan yang lebih cepat memberi pulangan berbanding perlu membela seekor lembu sejak kecil.

"Pada 2018 saya membeli tiga ekor lembu, seekor baka Charolies dan dua lagi Limousin dengan modal RM19,000.

Kandangnya pula saya sewa kerana pemiliknya tidak lagi mengusahakan ternakan lembu.

"Beberapa bulan selepas membeli tiga lembu baka itu, saya mula menceburi perniagaan "trading" lembu lalu membeli lembu dewasa di sekitar Pahang dan menjualnya semula," katanya.

Namun, meskipun kedengaran konsep perniagaan "trading" seolah-olah mudah, ia mempunyai cabaran tersendiri kerana menurut Mohd Faizal, lembu yang dibelinya turut memerlukan pengeluaran modal awal dan kos untuk makanan serta penjagaan.

Katanya, seekor lembu mempunyai kos makanan antara RM4 hingga RM5 sehari iaitu makanan yang dicampurkan antaranya dedak, kulit soya dan daun sawit.

KEADAAN LADANG DIPASTIKAN SELESA

DARI MUKA 35

"Apabila mempunyai jumlah lembu yang banyak, ia memerlukan penjagaan baik bagi memastikan tidak berlaku masalah seperti kematian yang tinggi sementara mendapatkan pembelinya."

"Jadi saya perlu memastikan keadaan ladang yang selesa dan disebabkan itu saya turut menyewa sebidang tanah baharu seluas kira-kira dua hektar dan mempunyai tiga pekerja untuk melakukan kerja di ladang ini," katanya.

Mohd Faizal berkata, margin keuntungan bagi seekor lembu antara RM200 hingga RM300 kerana ia bergantung kepada saiz haiwan berkenaan.

"Jadi dalam tempoh selepas saya membeli lembu daripada penjual

sebelumnya, saya akan memastikan sentiasa dalam keadaan baik seperti cukup makan, tidak berpenyakit atau mati kerana mungkin bergaduh.

"Selain itu, kadangkala lembu yang dibeli daripada pembeli sebelum ini mungkin agak kurus dan memerlukan makanan yang lebih bagi memastikan ia beristi dan pastinya lembu lebih gemuk mempunyai permintaan tinggi," katanya.

Jelasnya, setakat ini syarikat miliknya, Amirul Escobar Enterprise berkembang dengan baik kerana sekurang-kurangnya dalam tempoh dua minggu pasti ada pembeli baharu lembu yang dibelinya sebelum ini dengan harga jualan antara RM1,600 hingga RM2,900 bergantung kepada baka, jantina

Sekurang-kurangnya dalam tempoh 2 minggu Mohd Faizal dapat pembeli baharu

Kadangkala I lembu yang dibeli daripada pembeli sebelum ini mungkin agak kurus dan memerlukan makanan yang lebih bagi memastikan ia beristi

MOHD FAIZAL



LEMBU ditempatkan dalam keadaan berbumbung.



MOHD Faizal melihat industri penternakan dan 'trading' lembu memberi pulangan yang baik.

dan saiz.

Malah, pada musim Aidiladha permintaan lembu 'trading' miliknya terus meningkat dan secara purata dia boleh menjual antara 300 hingga 400 ekor pada musim itu. Harganya juga boleh mencecah sehingga RM5,000 seekor bergantung kepada jantina, saiz dan baka.

"Jadi beberapa bulan sebelum Aidiladha, saya akan mencari stok lembu baharu untuk dipasarkan kerana jumlah permintaan tinggi dan pastinya perkara itu bukan sesuatu yang mudah.

"Ia kerana saya amat mementingkan lembu yang dijual kepada pembeli dalam keadaan baik dan memberi kepuasan kepada mereka. Paling penting kita tidak mahu menjual lembu yang sakit kepada orang ramai," katanya.

Mohd Faizal berkata, selain menjadi usahawan trading, dia juga mempunyai lebih 30 ekor lembu yang dibela sejak kecil untuk dijadikan baka.

"Lembu ini mengambil masa yang lama untuk membiak dan jumlah kelahiran juga tidak tinggi. Ketika ini saya memiliki lembu jenis KK Cross, Brahman, Limousine, Charolais dan Nalero," katanya mengakhiri perbualan.



ANTARA lembu yang dibeli Mohd Faizal untuk 'trading'



ANTARA pekerja Mohd Faizal membantu menguruskan ladang lembu.



BERSAMA lembu yang diternak.